

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Isnin, 29 Mac 2021 4:18 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Program MBM OYAGSB Setanding Program Universiti Luar Negara



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 MAC 2021 / 145 SYAABAN 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Zulkifli Bin Mohd Noor
Gambar oleh: OYAGSB

PROGRAM MBM OYAGSB SETANDING PROGRAM UNIVERSITI LUAR NEGARA



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) terus komited menawarkan program akademik yang berkualiti setanding dengan universiti luar negara dengan kadar yuran pengajian yang kompetitif.

Sebagai sebuah pusat pengajian yang telah mendapat akreditasi AACSB dan AMBA serta bakal memperoleh akreditasi EQUIS, OYAGSB dijangka akan memulakan kohort pertama program akademik baru iaitu program Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBM) menjelang Mei hadapan.

Dalam ucapannya, beliau menjelaskan betapa pentingnya untuk semua pihak di dalam organisasi untuk saling bekerjasama bagi mencapai visi dan misi organisasi dengan mengadaptasikan '*new business environment*'.

Sementara itu, Provos UUM Kampus Kuala Lumpur (UUMKL), Prof. Dr. Hassan Abu Bakar yang juga Dekan OYAGSB berkata, program MBM itu merupakan satu-satunya program yang ditawarkan oleh universiti awam di Malaysia.

Menurutnya, fokus pengambilan pelajar bagi program MBM berbeza dengan program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) kerana menerima kemasukan pelajar baru dalam kalangan mereka yang tiada pengalaman bekerja di industri.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.